

Usaha ubah suai EAEC tetap dapat tentangan

BM 17 NOV 1991

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahatir Mohamad, berkata apa juga bentuk pengubahsuaian kepada cadangan penubuhan forum Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tetap menerima tentangan daripada pihak tertentu.

Sebelum ini pun pengubahsuaian sudah dilakukan kepada cadangan forum perundingan itu, katanya mengulas laporan dari Korea yang memetik seorang Menteri Luar negara Asia, sebagai berkata, cadangan EAEC Malaysia itu mungkin diubah suai.

Menurut Menteri Luar itu, EAEC mungkin diubah suai dan digabungkan dengan beberapa cadangan lain pada sidang kemuncak Asean Januari depan.

Perdana Menteri merujuk kepada pertukaran nama Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) kepada EAEC yang dibuat pada Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean

baru-baru ini.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Hari Keluarga Kebangsaan di Taman Tasik Perdana di sini semalam, beliau berkata, sebagai negara kecil, Malaysia terpaksa menerima tekanan negara besar yang lebih kuat dan berpengaruh.

Beliau yang mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Syed Hamid Albar bahawa sesetengah pihak sengaja mengelirukan soal penubuhan EAEC untuk mencemarkan nama Malaysia di Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Seoul, berkata:

"Mereka kuat sementara kita tidak dan kita tidak boleh buat apa, untuk itu kita terima sajalah".

Mengenai keputusan Korea menolak EAEC berikutan ugutan Amerika Syarikat, beliau berkata, jika negara itu mahu menentang penubuhan forum itu, tidak ada apa yang boleh dibuat.

Bagaimanapun, ka-

tanya, usaha penubuhan forum itu akan diteruskan.

Sementara itu, menjawab soalan pemberita, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak bercajag menjadikan Hari Keluarga sebagai hari cuti umum.

"Kita perlu bekerja walaupun pada Hari Keluarga Kebangsaan kerana kita tidak mampu mengamalkan falsafah budaya tak kerja.

"Sekarang ini, banyak negara maju sudah beransur mundur kerana mengamalkan falsafah budaya tak kerja tetapi hanya berseronok semata-mata.

"Kita mungkin bangga dengan tindakan sesetengah negara yang memberi makan kepada kira-kira sepuluh peratus penduduknya, sedangkan jika itu terus diamalkan, negara kaya pun boleh bangkrap," katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri dan isteri menyaksikan pertunjukan pentas dan melawat pameran sempena sambutan Hari Keluarga itu